

TEKS UCAPAN

**YB Dato' Sri Mustapa Mohamed
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)**

Majlis Pelancaran Inisiatif Pucuk Hijau UMW

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia.

Yang Berhormat Haji Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan mewakili Menteri Besar Kelantan

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman

Pengerusi Kumpulan UMW

YBhg. Dato' Ahmad Fuaad Kenali

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMW

Rakan-Rakan Kerjasama di bawah Payung Inisiatif Pucuk Hijau UMW

Badan-Badan dan Organisasi Kerajaan Negeri Kelantan dan Daerah Tumpat

Dif-Dif Kehormat dan hadirin sekalian

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan yang hadir mewakili Menteri Besar Kelantan ada hari ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kumpulan UMW terutamanya YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman dan YBhg. Dato' Ahmad Fuaad Kenali atas jemputan menyampaikan sepatah dua kata dalam majlis ini, dan seterusnya merasmikan Inisiatif Pucuk Hijau UMW.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

UMW ni bukanlah nama yang asing bagi kita di Malaysia, dan juga di kalangan kita semua pada hari ini. Sebut sahaja nama UMW, pasti ramai yang terbayang logo kereta Toyota di dalam kepala kita. Dah sinonim nama UMW tu dengan brand Toyota. Sejak tahun 1960an lagi dunia dan kita dah kenal nama Toyota Corolla, iaitu antara jenama kereta yang laris jualannya dan popular di dunia sehingga ke hari ini.

Pada tahun 1980an UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. telah menjadi pengimport, pemasang dan pengedar kenderaan bermotor Toyota di Malaysia. UMW kemudiannya mencipta sejarah dengan menjadi pemegang saham terbesar kereta nasional yang kedua, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd atau Perodua. Pada tahun 1994, Perodua Kancil telah diperkenalkan dan selebihnya adalah sejarah..

Kumpulan UMW terus berkembang maju menjadi sebuah konglomerat perindustrian dan salah satu syarikat tersenarai awam yang terkemuka di Malaysia. Kini Kumpulan UMW terus maju dalam sektor Automotif, Peralatan, Pembuatan & Kejuruteraan dan Aeroangkasa.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya difahamkan Inisiatif Pucuk Hijau UMW pada petang ini dibentuk pada tahun 2021 dan bermatlamat untuk menghijaukan semula kawasan berhutan Malaysia dengan penanaman sebanyak 300,000 pokok bakau secara berperingkat di seluruh negara sehingga tahun 2023.

Di bawah Inisiatif Pucuk Hijau UMW pada hari ini, Kumpulan UMW akan menanam sebanyak 10,000 pokok bakau di sini. Saya percaya penanaman ini akan membantu usaha mengekalkan fungsi-fungsi alam sekitar seperti melindungi sumber biodiversiti yang sedia ada dan seterusnya menyumbang kepada faktor limpahan sosio-ekonomi yang positif kepada masyarakat tempatan.

Hadirin hadirat yang saya kasihi sekalian,

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber alam semula jadi khususnya hutan hujan tropika – di mana kawasan berhutan kita adalah antara yang tertua di dunia. Hutan kita merupakan aset semula jadi terpenting negara kerana ia bukan sahaja membantu mengimbangi ekosistem kehidupan, malah berperanan dalam mitigasi perubahan iklim dan pelepasan gas rumah hijau. Oleh itu, hutan-hutan di Malaysia mesti dipelihara dengan baik agar khazanah ini dapat memberi manfaat kepada generasi hari ini dan seterusnya.

Walaupun negara kita menyumbang kurang daripada satu peratus kepada gas rumah hijau global, Kerajaan tetap mengambil berat dan memandangkan serius berkenaan perkara ini. Aktiviti-aktiviti restorasi hutan mesti dilakukan oleh semua pihak tidak kira sama ada pihak kerajaan persekutuan dan negeri, swasta, badan bukan kerajaan, masyarakat dan juga individu. Setiap pihak perlu memainkan peranan

masing-masing dalam perjalanan kita untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050.

Sejajar dengan komitmen negara yang dibuat semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil, pada tahun 1992, untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan liputan pokok, saya percaya Inisiatif Pucuk Hijau UMW ini adalah antara usaha terbaik daripada pihak swasta ke arah tersebut.

Pada masa yang sama, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) kerana telah menggerakkan usaha penghijauan negara melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang telah bermula tahun lepas sehingga tahun 2025. Saya dimaklumkan sehingga 22 Jun tahun ini, hampir 35 juta pokok (34,911,146 angka sebenar) telah ditanam untuk kempen ini. Saya berterima kasih kepada Kumpulan UMW kerana telah menyahut panggilan kerajaan untuk berganding bahu menjayakan misi ini. Semoga usaha ini diteladani oleh warga-warga korporat yang lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Negeri Kelantan mempunyai jumlah pesisiran pantai sepanjang 71.0 km yang merangkumi 4 jajahan iaitu Jajahan Tumpat sepanjang 12.0 km, Jajahan Kota Bharu sepanjang 31.0 km, Jajahan Bachok sepanjang 15.5 km dan Jajahan Pasir Puteh sepanjang 12.5 km.

Setiap tahun, pesisiran pantai di Negeri Kelantan mengalami hakisan yang teruk akibat kejadian alam semulajadi. Merujuk kepada laporan Kajian *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP) Negeri Kelantan pada April 2021, terdapat kira-kira 10.0 km pesisir pantai masih aktif mengalami hakisan dan program penanaman pokok bakau seperti petang ini diharapkan dapat menangani masalah tersebut.

Program menanam pokok seperti hari ini bertujuan:

1. Memelihara pesisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah;
2. Mewujudkan zon penampakan bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar;
3. Meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai sebagai tarikan pelancong; dan
4. Memulihkan habitat pesisiran pantai yang menjadi koridor kepada kepelbagaian biologi serta memperkayakan sumber hasil pantai.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Inisiatif Pucuk Hijau UMW ini juga telah berjaya menarik penyertaan para pelajar universiti, pihak berkuasa tempatan, dan juga pihak-pihak yang berkenaan. Dengan penglibatan pelbagai pihak seperti Yayasan Hijau Malaysia dan Malaysian Nature Society sebagai Rakan-rakan strategik, Astro sebagai Rakan Pendidikan dan universiti-universiti tempatan sebagai Rakan-rakan Kerjasama, usaha murni ini akan membawa impak dan transformasi kesedaran kepada setiap komuniti yang terlibat. Terima kasih saya ucapkan kepada semua sukarelawan termasuk siswa-siswi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang hadir menyokong dan menjadi sebahagian daripada inisiatif ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kumpulan UMW dan semua yang terlibat atas komitmen yang dipamerkan terhadap misi kerajaan untuk membentuk Malaysia sifar karbon menjelang tahun 2050. Semoga inisiatif Pucuk Hijau UMW ini dapat memelihara kawasan berhutan Malaysia, membantu mengurangkan hakisan di pantai di negeri Kelantan dan seterusnya menyelamatkan garis pantai negara.

Dengan lafaz Bismilahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan dan melancarkan Inisiatif Pucuk Hijau UMW!

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.